

UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI EAIC
SEMPENA BENGKEL PENAMBAHBAIKAN AKTA SURUHANJAYA
INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009 [AKTA 700]
PADA 26 SEPTEMBER 2017
DI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Selamat Pagi.

Yang dihormati saudara Pengerusi Majlis,

Yang dihormati, Puan Leong May Chan, Pesuruhjaya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC),

Tuan Ahmad Razif Bin Mohd Sidek, Setiausaha merangkap Ketua Pegawai Eksekutif EAIC,

YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan, Puan-puan, Pengarah-pengarah Bahagian EAIC, para hadirin yang hadir di Bengkel Penambahbaikan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] pada pagi ini.

Terlebih dahulu ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mengizinkan untuk saya dapat hadir bersama para hadirin sekalian pada sesi perbincangan Bengkel Penambahbaikan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Berdasarkan kepada pengalaman selama 6 tahun setelah Akta 700 dilaksanakan, EAIC mendapati terdapat keadaan yang mendesak yang mewajarkan EAIC mengusulkan untuk beberapa pindaan dilakukan ke atas Akta 700 bagi memantapkan lagi fungsi dan keberkesanan EAIC dalam usaha memartabatkan budaya integriti di kalangan pegawai penguat kuasa serta sistem penyampaian perkhidmatan oleh agensi penguatkuasaan.

Pindaan yang diusulkan juga adalah dilakukan selari dengan dapatan satu kajian perunding bebas bertajuk “Kajian *Impak Keberkesanan EAIC*” yang telah dijalankan oleh juruperunding daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang telah diserahkan laporan kajian kepada EAIC pada bulan Disember 2016 yang lepas yang memperlihatkan hasrat orang ramai untuk melihat EAIC dapat memainkan peranannya dengan lebih berkesan dan boleh diyakini sebagai sebuah badan bebas dan berkredibile.

Keperluan bagi Akta 700 dimantapkan lagi adalah sangat bertepatan dengan hasrat yang disebutkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan RMK-II yang telah meletakkan tanggungjawab ke atas EAIC bersama-sama SPRM sebagai dua badan yang ditugaskan bagi memantap dan mengukuhkan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

Pengusulan keperluan pindaan Akta 700 juga dilakukan selari dengan Pelan Strategik EAIC 2017-2022 yang akan dilancarkan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 28 September 2017 yang menggariskan hala tuju EAIC bagi tempoh lima tahun akan datang dan dalam menghadapi cabaran bagi tahun-tahun mendatang.

Mengimbau kembali semasa pembentangan Rang Undang-Undang bagi pembentukan Akta 700 di Parlimen, Timbalan Menteri di Jabatan Menteri, Datuk Liew Vui Keong sewaktu menjawab pertanyaan yang dibangkitkan berkaitan seksyen 5 Akta 700 semasa sesi penggulangan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan di Dewan Negara pada 9 Julai 2009, telah menyatakan bahawa "*sekiranya setelah EAIC beroperasi dan terdapat apa-apa kelemahan, maka kita akan memperbaiki kelemahan tersebut supaya Suruhanjaya dapat menjalankan fungsi dengan efektif..*". Oleh itu, berdasarkan kepada kenyataan tersebut, telah dimaklumi bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan sekiranya terdapat keperluan terutamanya bagi tujuan penambahbaikan perjalanan fungsi Suruhanjaya, Akta 700 ini boleh dipinda. Bagaimana pun agak malang kerana kita tidak dapat mengesan fail, termasuk di AGC yang memperincikan tentang peringkat dan proses pembentukan dan penggubalan Akta 700 setelah Kerajaan menolak deraf Rang Undang-Undang IPCMC dan menggantikannya dengan Akta 700. Akibat ketiadaan rekod-rekod berkaitan proses penggubalan Akta 700 tersebut, kita menghadapi kesulitan dalam mengetahui rasional beberapa peruntukan tertentu yang terdapat di bawah Akta 700 umpamanya seksyen 30 yang meletakkan kewajipan tertentu ke atas Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) dan Pendakwa Raya (Peguam Negara)

dalam menguruskan laporan siasatan yang dibuat serahan oleh EAIC. Beberapa pegawai yang terlibat sendiri dengan penggubalan Akta 700 juga tidak dapat mengimbas dengan tepat bagaimana beberapa peruntukan penting di bawah Akta 700 dipergubalkan dan rasional bagi kemasukan peruntukan tertentu itu.

YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

EAIC telah memulakan langkah untuk meminda Akta 700 sejak tahun 2014 lagi di mana kajian mengenai seksyen-seksyen yang memerlukan pindaan telah dilakukan secara mendalam. Sehubungan dengan itu, pada 17 Jun 2015, satu Bengkel Kajian Semula Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] yang telah diadakan dihadiri oleh 49 orang peserta yang merupakan Pegawai-Pegawai Kanan agensi-agensi penguatkuasaan seliaan EAIC serta wakil daripada agensi-agensi berkepentingan termasuk daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Semasa Bengkel tersebut, cadangan-cadangan pindaan telah dibentangkan kepada semua peserta dan berdasarkan maklum balas tersebut, semua cadangan-cadangan pindaan telah ditambah baik dan draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Integriti Agensi

Penguatkuasaan (Pindaan) telah dipanjangkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta pihak Jabatan Peguam Negara (AGC).

Melalui beberapa siri perbincangan bersama-sama pihak JPM, Jabatan Perkhidmatan (JPA) serta AGC, sebahagian besar cadangan pindaan dalam draf Rang Undang-Undang Pindaan tersebut telah dipersetujui dan diluluskan oleh AGC. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian cadangan berkaitan perkara dasar yang perlu dimasukkan dalam draf RUU Pindaan tersebut.

Sehubungan dengan itu, satu Kertas Memorandum Jemaah Menteri M330/2017 mengenai cadangan pindaan dasar ini telah dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Mei 2017 oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Berdasarkan keputusan mesyuarat tersebut, Jemaah Menteri telah memberi persetujuan dari segi prinsip ke atas cadangan yang dikemukakan dan tindakan-tindakan penyelarasan hendaklah diambil oleh EAIC bersama agensi-agensinya yang terlibat untuk memperhalusi aspek pelaksanaan serta pindaan undang-undang berkaitan yang perlu dilaksanakan dan seterusnya Memorandum mengenai cadangan pindaan kepada Akta 700 dibentangkan semula untuk pertimbangan dan

persetujuan Jemaah Menteri. Oleh yang demikian, bengkel ini diadakan agar arahan Jemaah Menteri tersebut dapat diberi kesan dengan kadar segera. Selain itu, ia turut memberi peluang kepada EAIC untuk bertemu dan berbincang dengan pegawai-pegawai kanan agensi penguatkuasaan dan kementerian yang menguruskan hal berkaitan urusan pindaan undang-undang untuk melancarkan lagi perkara berkaitan pindaan ini. Saya berterima kasih kerana wakil-wakil daripada pihak AGC dan JPA juga dapat hadir bersama pada hari ini.

YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

EAIC berharap melalui sesi perbincangan ini, kesefahaman terhadap cadangan-cadangan pindaan dasar dapat dimaklumkan dan dibincangkan bersama semua wakil agensi dan kementerian di samping ia akan turut menjadi platform kepada EAIC untuk mendapatkan maklum balas dan input-input daripada semua agensi dan kementerian yang melaksanakan Akta ini agar satu Memorandum yang lebih terperinci mengenai cadangan penambahbaikan kepada Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 dapat dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri.

Dikesempatan ini, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas kesudian dan masa yang YBhg. Datuk-Datuk dan Tuan/Puan luangkan bagi menghadiri bengkel pada hari ini. Adalah menjadi harapan saya agar penambahbaikan Akta ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera bagi membolehkan EAIC memberi kesan kepada hasrat yang diletakkan oleh Kerajaan dalam usaha memperkasakan dan memperkukuhkan peranan dan daya fungsi EAIC dalam memartabatkan integriti sebagai wadah perkhidmatan awam negara.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah Assalamualaikum w.b.t.